



---

**Integrasi Ilmu untuk Kemajuan Peradaban Bangsa: Kajian  
Amalannya di Institusi Pengajian Tinggi di Malaysia**

***Integration of Knowledge for the Advancement of National  
Civilization: A Study of Its Practice at Higher Learning Institutions  
in Malaysia***

**Jasni bin Sulong<sup>1\*</sup>**

**<sup>1</sup>Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan-Universiti Sains Malaysia**

***Corresponding Author: lemkomindo.jlas@gmail.com***

---

**Abstrak**

Islam adalah agama yang mementingkan ilmu, dan kerananya diturunkan al-Qur'an dan dilantik Nabi Muhammad SAW sebagai Utusan Allah SWT. Kejahilan dan sesatnya manusia adalah kerana kurangnya ilmu. Apatah lagi jika akal manusia tidak dibimbingi dengan nur iman dan ihsan. Oleh kerana itu agama Islam mengajak manusia berfikir tentang ciptaan dan kekuasaan Allah. Untuk memahaminya, tidak sekadar mengetahui ilmu-ilmu agama, malah manusia turut di-fardu kifayah-kan untuk turut mempelajari ilmu-ilmu lain. Islam tidaklah memisahkan antara dunia dan akhirat. Kedua-dua entiti tersebut adalah saling berkaitan. Keterbatasan pengetahuan manusia dalam ilmu-ilmu agama tanpa mempunyai ilmu-ilmu umum akan membataskan keupayaan mereka. Begitu jugalah yang sebaliknya. Justeru, kurikulum pengajian Islam begitu dinamik dalam hal ini. Kini ilmu-ilmu agama sama ada di peringkat sekolah mahupun universiti, sudah diintegrasikan. Pelajar yang bermajor pengajian Islam akan turut mempelajari ilmu sains dan teknologi. Amalan ini sangat meluas di Malaysia sehingga lulusan perubatan mahupun penerbangan (*pilot*) adalah merupakan seorang yang mempunyai ijazah asas dalam pengajian Islam. Dengan ini, negara menghasilkan bukan sahaja modal insan dalam bidang terbabit, malah insan tersebut mempunyai kualiti agama dan akhlak yang tinggi.

**Kata kunci: Integrasi; Ilmu; Peradaban; Bangsa; Malaysia.**

**Abstract**

*Islam is a religion that emphasizes knowledge, and because of this, the Qur'an was revealed and the Prophet Muhammad was appointed as the Messenger of Allah SWT. Human ignorance and misguidance is due to a lack of knowledge. What else if the human mind is not guided by the light of faith and ihsan. Therefore, Islam invites people to think about God's creation and power. To understand it, not only know the religious sciences, but humans are also encouraged to participate in studying other sciences. Islam does not separate this world and the hereafter. The two entities are interrelated. The limitations of human knowledge in the religious sciences without having general knowledge will limit their abilities. And vice versa. In fact, the Islamic recitation curriculum is so dynamic in this regard. Now religious sciences, both at the school and university levels, have been integrated. Students who major in Islamic studies*

*will also study science and technology. This practice is very widespread in Malaysia so that a graduate of medicine or aviation (pilot) is a person who has a basic diploma in Islamic studies. With this, the state produces not only human capital in the most advanced fields, but these people have high religious and moral qualities.*

**Keywords: Integration, Science, Civilization, Nation, Malaysia.**

## **PENDAHULUAN**

Kedatangan al-Qur'an kepada Nabi Muhammad SAW membawa ilmu kepada segala ilmu untuk manusia. Rasulullah S.A.W yang menjadi pelajar pertama dan kemudian mengajarkan manusia yang lain dengan ilmu pengetahuan dan kefahaman yang diilhamkan oleh Allah SWT. Sebagai ilmu kepada ilmu, al-Qur'an bukan sahaja membawa memuatkan ajaran dan pengetahuan mengenai akidah dan syariah, malah ia juga mengandungi ilmu-ilmu kekeluargaan, pemerintahan, undang-undang dan tatasusila. Ia disampaikan sama ada dalam bentuk perkisahan sejarah, pernyataan deskriptif atau berupa perintah daripada Allah SWT. Pada masa yang sama Islam tidak menolak ilmu-ilmu lain, seperti ilmu adat, budaya dan lain-lain pengetahuan. Dalam perbincangan ini, fokus adalah kepada kebaikan integrasi ilmu dan manfaatnya kepada peradaban bangsa dengan mengkhususkan kepada amalan Institusi Pengajian Tinggi di Malaysia.

## **PEMBAHASAN**

### **Definisi Integrasi Ilmu dan Pembinaannya**

"Integrasi" didefinisikan sebagai penggabungan antara dua atau beberapa entiti untuk membentuk kesatuan atau penyatuan (Kamus Dewan, 2005). Selari dengan istilah ini ialah "kacuk", yang bermaksud campur atau mengahwinkan (haiwan atau tumbuhan) yang berlainan jenis atau baka untuk menghasilkan baka yang lebih baik. Jika dinisbahkan kepada ilmu, tujuan yang sama adalah untuk mendapat lebih kebaikan hasil gabungan beberapa masukan yang lain. Menurut Beckman (1999) dan Eppler (2001), integrasi boleh berlaku secara fizikal atau metafizik, secara nyata atau tersirat antara dua atau lebih perkara yang berasingan untuk menjadi satu.

Khusus dalam penggabungan ilmu, ilmu yang nyata tentulah ilmu yang dapat dilihat dan diukur penguasaan seseorang ke atas ilmu tersebut. Misalnya, ilmu yang bersifat kiraan dan pembuatan. Dan sebaliknya bagi ilmu yang tersirat, sukar untuk dilihat dan diukur penguasaan seseorang ke atasnya melainkan setelah diuji dan diteliti dengan mendalam. Misalnya ilmu yang berkaitan kemahiran, pengalaman dan kepercayaan (Polanyi, 1966). Semua ilmu-ilmu ini tidak nyata tetapi wujud secara tersirat dalam gabungan idea, pemikiran, dan nilai budaya. Nilai ini sifatnya abstrak yang bergantung kepada contoh dan teladan tertentu, misalnya apabila kita mendengar langkah-langkah untuk mengintegrasikan ilmu Barat dan Timur, budaya Barat dan Timur.

Proses integrasi ilmu tidak dapat lari daripada proses pengajaran, penelitian dan amalan. Ilmu yang dimiliki seseorang boleh diintegrasikan dengan pengetahuan yang dimiliki oleh orang lain melalui pembelajaran, pemahaman dan pengamalan. Begitu juga ilmu yang dimiliki oleh seseorang individu boleh diintegrasikan dengan ilmu yang dimiliki oleh kumpulan ramai melalui peniruan dan adaptasi (Cook dan Brown, 1999; Grant, 1996). Pengetahuan ramai atau kolektif ini adalah merupakan ilmu yang dikongsi dalam komuniti, yang dibina melalui interaksi sosial seperti yang berbentuk budaya (Berger dan Luckmann, 1966). Ia merupakan ilmu yang berada dalam domain awam yang mudah ditanggap oleh sesiapa sahaja dalam sesebuah komuniti tersebut. Dalam hal ini, bahasa dan budaya adalah contoh integrasi ilmu yang berlaku secara pergaulan sosial sehingga memperlihatkan pengetahuan dan amalan masing-masing ke atas budaya dan bahasa itu bercampur-baur.

Pencapaian yang penting kepada integrasi ilmu ialah pembangunan pengetahuan kepada setiap pihak dengan bertambah dan berlipat ganda. Ini kerana hasil integrasi ilmu

yang berlaku secara tersurat dan tersirat akan memberi pemberat berbeza dalam penguasaan seseorang. Mudah untuk diukur ialah integrasi ilmu pengetahuan yang berlaku secara eksplisit, termasuk ilmu yang bersifat kemahiran, walaupun ilmu-ilmu ini apabila diterima oleh seseorang tidak semestinya akan menghasilkan kualiti yang sama khususnya yang berkaitan dengan kemahiran. Ini kerana kemahiran lebih sukar ditiru berbanding pengetahuan yang boleh difahami dan disampaikan dengan semata-mata kefahaman. Bagaimanapun penguasaan dan kejayaan membina pengetahuan secara integrasi ini akan meningkat kualiti individu dan membangunkan kualiti dan kecekapan sesebuah kumpulan (Kapofu et al, 2008). Oleh sebab itu dalam proses pembelajaran, kaedah penelitian dan pengamatan adalah penting untuk memastikan pembinaan integrasi pengetahuan benar-benar berlaku dengan jaya dan sempurna (Remus dan Schub, 2003). Secara teorinya, integrasi ilmu berlaku dengan mekanisme dan kaedah berikut, iaitu mengenal pasti:

- (i) pengetahuan utama yang benar-benar mencipta nilai
- (ii) mekanisme yang sesuai untuk dijadikan ilmu baharu

Pembinaan pengetahuan secara integrasi berasaskan mekanisme ini dapat menentukan keperluan dan ketepatan penggabungan yang dikehendaki. Bagaimanapun, kaedahnya tentulah berbeza antara satu disiplin ilmu dengan yang lain yang memerlukan "trajectori" integrasi yang berbeza (Desmond Kapofu, 2014). Trajectori ini akan menjadi kaedah dan juga acuan untuk melihat kesesuaiannya dalam padanan ilmu-ilmu tersebut.

Jelasnya, integrasi ilmu dipraktikkan untuk kebaikan masa hadapan, misalnya untuk meningkatkan kemampuan individu atau organisasi (Grant, 1996). Caranya ialah dengan menghimpunkan semua pembolehubah atau kepelbagaian ilmu yang berkaitan, keperluan dan kepentingannya, strategi untuk menguasai setiap ilmu terbabit, dan seterusnya dijadikan satu komponen yang perlu diintegrasikan. Pendeknya, langkah integrasi ini bukan sahaja menghimpunkan idea daripada pelbagai pihak sehingga memiliki maklumat yang tak terjangkau, malah ia juga satu proses menjadikan pola berfikir lebih baik dan dapat mengenalpasti potensi yang terlindung selama ini. Kesannya, hasil daripada percantuman tersebut dapat membuahkan potensi kebijakan yang lebih baik dan berdaya saing (Desmond Kapofu, 2014).

### **Integrasi Ilmu Islam, Sejarah dan Perkembangan**

Dalam Islam, pada hakikatnya ajaran Islam bukan sahaja mengandungi ilmu tentang akidah, tetapi juga terkandung padanya ilmu tentang syariah. Bagaimanapun ilmu yang diiktiraf Islam tidak semestinya berteraskan akidah dan syariah sahaja, ia termasuk juga ilmu duniawi, ketenteraan dan budaya sebagaimana sebuah hadis yang menceritakan tentang ilmu pertanian dalam mengkacukkan debunga pokok tamar. Apa yang ditegaskan oleh Baginda Rasulullah S.A.W ialah ilmu syariah dan ilmu duniawi tersebut tidaklah berselisihan. Sesuatu ilmu itu boleh diintegrasikan sebagai satu cabang ilmu untuk didalami selagi ia tidak bercanggah dengan roh Islam berdasarkan sumber perundangan Islam yang utama iaitu al-Qur'an dan al-hadith. Nabi Muhammad S.A.W ada bersabda, iaitu:

“ألا إني أوتيت القرآن ومثله معه”

Maksud: Ketahuilah bahwa aku diberi Al-Qur'an dan yang sama dengannya secara bersamaan”.

Oleh itu, segala maklumat berkaitan agama Islam dan hukum-hakam berdasarkannya hendaklah dimulakan rujukan kepada al-Qur'an dan kemudiannya al-Hadith. Inilah yang dipertegaskan oleh Muaz bin Jabal ketika diuji oleh Baginda SAW sebelum menghantarnya ke Yaman.

Alam manusia yang dijadikan daripada pelbagai jantina dan bangsa menunjukkan kepelbagaian ciptaan Allah S.W.T. Manusia hendaklah memanfaatkannya melalui integrasi sesama mereka melalui perkenalan, sebagaimana firman Allah S.W.T dalam Surah al-Hujurat, ayat 13:

يَا أَيُّهَا النَّاسُ إِنَّا خَلَقْنَاكُمْ مِنْ ذَكَرٍ وَأُنْثَىٰ وَجَعَلْنَاكُمْ شُعُوبًا وَقَبَائِلَ لِتَعَارَفُوا ۗ إِنَّ أَكْرَمَكُمْ عِنْدَ اللَّهِ أَتْقَىٰكُمْ ۗ إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ خَبِيرٌ

Maksudnya: “Wahai manusia! Sungguh, Kami telah menciptakan kamu dari seorang laki-laki dan seorang perempuan, kemudian Kami jadikan kamu berbangsa-bangsa dan bersuku-suku agar kamu saling mengenal. Sesungguhnya yang paling mulia di antara kamu di sisi Allah ialah orang yang paling bertakwa. Sungguh, Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Teliti”.

Ayat al-Qur'an ini dengan jelas menunjukkan realiti penciptaan makhluk di muka bumi dan alam yang berbagai bentuk dan rupa. Justeru, bagi pelbagai ragam dan bangsa manusia ini, mereka hendaklah saling kenal-mengenal supaya dapat bekerjasama serta mengambil manfaat melalui pengetahuan dan pengalaman yang berbeza antara mereka. Sifat yang sama juga boleh diletakkan kepada ilmu pengetahuan yang pelbagai, manusia hendaklah mengenalpasti dan mempelajarinya untuk kepentingan kehidupan.

Allah S.W.T ada menyatakan bahawa ilmu yang disediakan untuk manusia adalah sangat banyak, tetapi hanya sedikit sahaja yang dapat dikuasai oleh manusia. Firman Allah S.W.T dalam Surah al-Kahfi, ayat 109:

قُلْ لَوْ كَانَ الْبَحْرُ مَدَادًا لَكَلِمَتِ رَبِّي لَنَفِدَ الْبَحْرُ قَبْلَ أَنْ تَنْفَدَ كَلِمَتُ رَبِّي وَلَوْ جِئْنَا بِمِثْلِهِ مَدَدًا

Maksudnya: “Katakanlah (Muhammad), “Seandainya lautan menjadi tinta untuk (menulis) kalimat-kalimat Tuhanku, maka pasti habislah lautan itu sebelum selesai (penulisan) kalimat-kalimat Tuhanku, meskipun Kami datangkan tambahan sebanyak itu (pula)”.

Dalam Surah al-Isra', ayat 85 Allah S.W.T berfirman:

وَمَا أُوتِيتُمْ مِنَ الْعِلْمِ إِلَّا قَلِيلًا

Maksudnya: “Dan tidaklah kamu diberi pengetahuan melainkan sedikit”.

Walaupun ayat kedua ini berkenaan pengetahuan mengenai alam roh, namun pada umumnya ilmu yang dimiliki oleh manusia memang sedikit sahaja berbanding ilmu Allah S.W.T. Justeru, integrasi adalah satu langkah untuk umat manusia menambah penguasaan ilmu, mencapai kejayaan dalam menguasai segala ilmu yang telah disediakan oleh Allah S.W.T. Dengan cara itu, manusia akan dapat memiliki dan menguasai ilmu dengan lebih cepat dan lebih baik khususnya dalam menguruskan kehidupan harian yang memerlukan kepelbagaian maklumat sama ada semasa di rumah, tempat kerja, perjalanan dan aktiviti sosial.

Ilmu-ilmu Islam terdiri daripada beberapa pembahagian. Pembahagian besarnya adalah fuqaha membahagikannya kepada ilmu yang berkaitan dengan hukum-hakam

(Syariah) dan ilmu yang berkaitan dengan asas-asas agama (Usuluddin) (Kamarul Azmi Jasmi & Ab. Halim Tamuri, 2011). Pembahagian ini memberikan pemecahan pengkajian ilmu Islam dalam konteks hubungan manusia dengan sesama manusia, hubungan manusia dengan makhluk lain, dan hubungan manusia dengan Allah S.W.T (Rasid Muhamad, 2010). Keadaan ini membentuk integrasi manusia kepada manusia, alam dan Allah S.W.T melalui kategori perhubungan yang dikenali sebagai ibadat, akhlak dan akidah. Masing-masing mempunyai ilmu yang mengaturnya supaya ia selari dengan *maqasid syariah* yang ditetapkan Allah S.W.T.

Suatu ibadat berlaku apabila manusia melaksanakan segala perintah Allah S.W.T yang berbentuk suruhan atau larangan. Ilmu ibadat ini disebut Syariah yang membincangkan tentang segala perintah Allah S.W.T dalam bentuk undang-undang atau peraturan yang menyeluruh. Dalam perbincangan kandungannya, ia disebut ilmu fekah atau *fiqh*, yang mengkaji kedudukan hukum-hakam yang berteraskan sumber-sumbernya, berasaskan kepada pencapaian *maqasid Syariah* (Asri Abdullah et al., 2009). Manakala ilmu akidah terhasil dalam perhubungan manusia dengan Allah S.W.T daripada segi keimanan dan kepercayaan. Perkara yang termaktub dalam rukun iman adalah asas kepada kekuatan iman seseorang Muslim (Mohd. Radhi Ibrahim (2006) dan Rasid Muhamad (2010). Manakala hubungan manusia dengan Allah S.W.T., manusia atau alam perlu menepati tindak-tanduk tertentu yang disebut akhlak. Kesemua bidang ini mesti diintegrasikan bagi melahirkan seorang individu Muslim yang bertaqwa. Berdasarkan perbincangan ini, ilmu dalam Islam boleh dikecilkan lagi berdasarkan kategori-kategori di atas sebagaimana berikut:

Rajah 1 – Kategori Ilmu Asas Islam

<b>Akidah</b>	<b>Syariah</b>	<b>Akhlak</b>
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Akidah</li> <li>• Al-Qur'an</li> <li>• Al-Hadith</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Fekah</li> <li>• Usul Fekah</li> <li>• Sejarah Fekah</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Akhlak</li> <li>• Bahasa Arab</li> </ul>

Pecahan kandungan ini membentuk ilmu-ilmu Islam yang perlu dipelajari dengan mendalam supaya dapat menjadi benteng daripada terjebak dalam perkara yang bercanggah dengan agama. Pembelajaran ilmu-ilmu secara berhimpun adalah lebih baik daripada berasingan kerana ia saling berkait antara satu dengan yang lain.

Dalam proses integrasi ilmu ini, penguasaan dan integrasi bahasa adalah sangat penting. Sejak zaman Rasulullah S.A.W., Baginda S.A.W sangat menggalakkan umat Islam untuk menimba ilmu termasuk mempelajari bahasa asing misalnya menggalakkan Zaid ibn Thabit untuk belajar bahasa Ibrani dan bahasa Syria (al-Baladhuri 1932; Shibli 1989). Dengan penguasaan bahasa asing ini, pemahaman kepada ilmu-ilmu luar adalah lebih mudah. Dalam sejarah kebangkitan Islam pada Zaman Umayyah (Shibli 1989), banyak penulisan dan penterjemahan ilmu telah dialih bahasa ke Bahasa Arab. Keadaan ini memudahkan cucu kepada Khalifah Amir Muawiyah, iaitu Putera Khalid bin Yazid (m. 704) yang merupakan salah seorang sarjana Islam untuk mempelajari ilmu kimia dan perubatan. Ibn Nadim et. al. (1884) melaporkan, banyak buku diterjemahkan daripada bahasa Koptik ke bahasa Arab oleh penterjemah yang dilantik oleh Putera Khalid. Penglibatan ini memecahkan tradisi sebelumnya yang disiplin tersebut hanya dikaji oleh orang Yahudi dan

Kristian. Maka bermula pengintegrasian ilmu moden secara besar-besaran dalam kalangan umat Islam (Arshad Islam, 2011). Perkembangan ini berterusan pada zaman pemerintahan Umar Abdul Aziz dan seterusnya Dinasti Abbasiyyah selepas. Ramai sarjana Islam muncul selepas itu seperti Imam Abu Hanifah (699-767), Ibn Ishaq (704-767), Imam Malik (711-795), Abu Amr Abd al-Rahman ibn Amr al-Awzai (707-774), Sufyan al-Thawri (716-778) dan Abdullah ibn Muqaffa (c.720-757) (Shibli 1989).

Manakala di Tanah Melayu, pada awal kedatangan Islam menyaksikan ilmu-ilmu Islam diajar secara terpisah mengikut guru dan kitab. Menurut Sejarah Melayu, orang Melayu sejak abad ke-15 sehingga abad ke-17, telah mempelajari pendidikan agama Islam melalui guru-guru al-Quran. Kaedah pengajian secara tradisional yang diikuti di masjid dan surau hanya berkisar dalam konteks ilmu-ilmu dalam bidang pengajian Islam sahaja iaitu menulis huruf-huruf al-Quran (tulisan Jawi), tajwid, perkara yang berkait dengan fardu Ain, Rukun Islam, dan Rukun Iman. Pada abad ke-18, pelajaran agama Islam berkembang maju dengan berlakunya penghijrahan beberapa orang alim ulama dari Timur Tengah ke Tanah Melayu. Apabila berlakunya kekacauan di Selatan Thailand antara orang Islam dengan kerajaan Siam, maka lebih ramai lagi alim ulama yang berhijrah ke negeri-negeri di utara Tanah Melayu seperti Kedah, Kelantan dan Terengganu (Jabatan Pengajian Tinggi, 2010). Pada waktu ini lahirlah kaedah pengajian Pondok iaitu ramai pelajar membina pondok di sekitar masjid atau rumah Tok Guru untuk mempelajari ilmu-ilmu Islam seperti ilmu tauhid, tafsir, fikah, hadis, nahu, saraf, tasawuf dan doa-doa harian.

Apabila kaedah pengajian semakin moden, maka institusi *madrasah* mula lahir pada awal abad ke-20 di Tanah Melayu dan kurikulum Pengajian Islam mula disusun dengan lebih teratur. Kedatangan penjajah mula memperkenalkan ilmu-ilmu lain selain daripada Pengajian Islam. Malah pada masa yang sama diperkenalkan Sekolah Inggeris yang berteraskan ilmu-ilmu moden sepenuhnya, dan masyarakat boleh memilih sama ada menghantar anak-anak ke sekolah aliran agama (*madrasah*) atau aliran Inggeris (sekolah Melayu). Pada peringkat awal, kurikulum di madrasah adalah tidak teratur sehinggalah kemudiannya Kerajaan menubuhkan Lembaga Penasihat Penyelarasan dan Pendidikan Agama Islam (LEPAI). Tugas LEPAI ialah mengatur kurikulum di sekolah agama kerajaan, negeri dan agama rakyat. Maka bermula pada tahun 1992, semua kurikulum Pengajian agama Islam di Malaysia adalah diseragamkan.

### **Integrasi Ilmu kepada Peradaban Bangsa**

Sejarah peradaban umat sejak dahulu menunjukkan sesuatu ilmu itu tidak berdiri sendiri. Setiap ilmu yang dipelajari dan dikuasai memerlukan gandingan ilmu-ilmu lain juga. Ini kerana pengetahuan dan kemahiran yang diperolehi dan dikuasai akan melengkapkan keupayaan intelektual seseorang insan untuk berkolaborasi dengan alam persekitarannya.

Pada zaman awal bagi penduduk Arab di padang pasir, ilmu mereka tentang kedudukan bintang, pertanian, pengairan dan selok-belok padang pasir membolehkan mereka mendiaminya tanpa mengalami kesukaran daripada kepanasan matahari dan kesukaran tumbuhan untuk hidup. Mereka dapat bergerak dari satu lokasi ke satu lokasi yang lain dengan tepat dan tanpa kesukaran. Bangsa Arab yang awal juga dikatakan mahir dalam ilmu kesusasteraan. Kehebatan mereka setanding dengan kehebatan bangsa Greek dalam ilmu Sains dan Falsafah, dan bangsa China dalam pertukangan. Oleh kerana itu,

penulisan Sahifah Madinah menunjukkan penguasaan orang Arab pada waktu itu dan sebelumnya mengenai teks literatur dan penulisan perundangan (M. Lecker, 2005).

Walau apa pun kepada keperluan ilmu sampingan dan tambahan, ilmu Islam perlu menjadi tunjang kepada seseorang Islam. Ia diibaratkan roh kepada anggota badan, dan perasa kepada aneka juadah hidangan. Ini membezakan Islam daripada dunia Barat yang berlandaskan ilmu moden yang berasaskan empirikal semata-mata. Ia membebaskan diri daripada elemen kerohanian dan spiritual, yang dalam Islam berlandaskan ketuhanan (Che Azlina Abdullah, 2004). Dalam Islam, setiap satu ilmu dan pengetahuannya adalah kembali kepada Yang Maha Pencipta, yang dikaitkan dengan hikmah dan matlamat syarak (maqasid syar'iyah). Prinsip ini menjadikan ilmu-ilmu yang ada sebagai anugerah Allah S.W.T kepada manusia untuk diterokai dan dikuasai sejajar dengan sempadan dan batasan syarak. Misalnya, kepakaran dalam ekonomi tidaklah membolehkan seseorang mempraktikkan riba sehingga menindas orang lain. Begitu juga kepakaran dalam kejuruteraan tidaklah membolehkan seseorang mencipta sesuatu yang akhirnya membahayakan manusia dan alam. Semuanya mempunyai kawalan agama dan ini membersihkan ilmu-ilmu yang dikuasai manusia daripada elemen sekularisasi (Abdul Rahman, 2003). Keadaan ini menjadikan segala ilmu yang ada di dunia ini perlu dimanfaatkan semaksima mungkin dalam batasan yang dikehendaki agama. Segala pencapaian dan kecemerlangan agama hendaklah tidak boleh membawa mudarat kepada manusia dan alam. Sebaliknya, ia perlu dibawa ke arah menjadikan manusia sebagai insan yang semakin bertaqwa kepada Allah S.W.T (Zainal Kifli, 2005).

Justeru, kaedah pengajian Islam semasa perlu lebih terbuka yang bukan sahaja tertutup kepada ilmu Pengajian Islam tetapi perlu juga menjalinnya dengan ilmu-ilmu moden seperti pengurusan, ekonomi, kemanusiaan, sains sosial, bioteknologi, sains dan teknologi, seni bina dan sebagainya. Ini menjadikan seseorang sarjana itu tidak hanya mengetahui apa yang ada di persekitarannya, malah juga mengetahui segala perkara dalam bidang yang sama di persekitaran negara lain (Abdul Shukor Haji Husin, 2008; Marzuki Haji Mahmood, 2003). Ini menjadikan seseorang itu berkepakaran dalam satu ilmu secara rentas sempadan dan dalam bidang yang lebih meluas. Falsafah ini disokong oleh ramai sarjana seperti Huzni Thoyyar (t.t) dan Mohamad Solikin (2008) yang menyatakan bahawa integrasi ilmu Islam dan ilmu moden secara tidak langsung dapat meningkatkan peradaban bangsa. Secara tidak langsung, seseorang dapat melihat ketepatan dan kebenaran ajaran Islam melalui perspektif luar. Ini kerana sesuatu ilmu adalah bersifat fitrah yang tidak boleh diubah dan diolah sesuka hati. Ia mempunyai falsafah dan merit yang hanya diketahui apabila seseorang menguasai ilmu-ilmu terbabit.

Justeru pada bulan Oktober 2006, pihak Jabatan Pengajian Tinggi, Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia telah menubuhkan sebuah Jawatankuasa Hala Tuju Pengajian Islam di Malaysia yang diberi tanggungjawab untuk mencadangkan kaedah terbaik untuk meningkatkan mutu pengajaran dan pembelajaran, penyelidikan dan pembangunan serta perundingan dan khidmat nasihat dalam bidang Pengajian Islam. Berdasarkan kajian ini, satu model Pengajian Islam di Malaysia telah diusulkan supaya mengambil perhatian kepada aspek kebolehpasaran graduan dan penumpuan kepada penguasaan kemahiran generik, etika dan akhlak. Pada masa yang dicadangkan pengwujudan Badan Profesional Pengajian Islam, yang akan mengakreditasi program Pengajian Islam dengan lebih dinamik dan berdaya saing.



### **Amalan Institusi Pengajian Tinggi Malaysia**

Institusi Pengajian Tinggi (IPT) di Malaysia adalah terdiri sama ada daripada kalangan Universiti Awam (UA) yang dibiayai oleh Kerajaan, dan Universiti Swasta (US) yang dibiayai oleh persendirian. Walaupun pemilik kepada IPT ini daripada pihak-pihak yang berbeza, namun kualiti pendidikan yang merangkumi kurikulum dan program yang ditawarkan adalah dikawal oleh pihak pemerintah iaitu di bawah *Malaysian Qualifications Agency (MQA)* yang terletak di bawah Kementerian Pengajian Tinggi (KPT). Kawal seliaan ini dilakukan adalah bagi memastikan kualiti penawaran program akademik adalah setara dengan disiplin ilmu, keperluan komuniti dan industri.

Sehingga kini terdapat hampir 16 buah kolej/kolej universiti dan 7 buah universiti yang menawarkan Program Pengajian Islam secara khusus sebagaimana Rajah 2 berikut:

Rajah 2 – Kolej/Kolej Universiti/Universiti Pengajian Islam

Kolej/Kolej Universiti	Universiti
i. Kolej Islam Antarabangsa	i. Universiti Malaya
ii. Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra	ii. Universiti Kebangsaan Malaysia
iii. Kolej Islam Darul Ridzuan	iii. Universiti Islam Antarabangsa Malaysia
iv. Kolej Islam Johor	iv. Universiti Sains Islam Malaysia
v. Kolej Islam Pahang Sultan Ahmad Shah	v. Universiti Darul Iman Malaysia
vi. Kolej Islam Sains dan Teknologi	vi. Universiti Sultan Abdul Halim Muadzam Syah
vii. Kolej Islam Teknologi Antarabangsa	vii. Universiti Sultan Azlam Shah
viii. Kolej Teknologi Islam Antarabangsa Melaka	
ix. Kolej Jamiah Islamiah Putra	
x. Kolej Pengajian Tinggi Islam Johor	
xi. Kolej Universiti Islam Perlis	
xii. Institut Kemajuan Ikhtisas Pahang	
xiii. Institut Antarabangsa IQRA	
xiv. Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor	
xv. International Centre for Education in Islamic Finance	

Selain IPT ini, terdapat banyak lagi yang turut menawarkan program Pengajian Islam secara berasingan melalui Fakulti Pengajian Islam atau Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan masing-masing.

Di bawah dasar pendidikan ini, setiap IPT mempunyai kebebasan untuk merangka dan menggubal struktur program akademik masing-masing, sesuai dengan permintaan pasaran dan keperluan industri. Pendekatan integrasi dalam struktur program dilakukan oleh beberapa IPT adalah dengan tujuan tertentu yang bukan setakat menghasilkan pelajar yang holistik, tetapi juga dapat memastikan kebolehpasaran pelajar dengan lebih baik bagi memenuhi keperluan industri. Justeru, beberapa IPT melakukan perubahan tertentu

kepada kurikulum dan struktur program mereka bagi memastikan kebolehpasaran graduan yang lebih baik.

(i) *Sejarah dan Praktis Semasa Integrasi Pengajian Islam dan Moden*

Pada era awal penawaran kurikulum Pengajian Islam di Malaysia, pembahagian antara bidang Syariah dan Usuluddin sangatlah rigid dan mengikut pakej yang tetap. Program matrikulasi dan diploma menawarkan program yang tetap dan berstruktur. Misalnya program Pra-Akademi Islam di Universiti Malaya menawarkan program yang berpakej tetap kepada semua pelajarnya. Begitu juga di Kolej Ugama Sultan Zainal Abidin (KUSZA) pada tahun 1985 menawarkan Diploma Pengajian Islam (Syariah) dan Diploma Pengajian Islam (Usuluddin) secara umum sahaja (Zurita Mohd Yusoff, 2004). Pada waktu itu, langkah integrasi antara ilmu Islam dan ilmu-ilmu moden lain belum berlaku. Kemudian pada tahun 1990-an, langkah integrasi mula berlaku tetapi terhad kepada jurusan tertentu sebagai *minor* seperti Kolej Ugama Sultan Zainal Abidin (KUSZA), pernah ditawarkan Diploma Pengajian Islam dan Teknologi Maklumat. Menurut Abdul Manan bin Mohamad & Kamarudin Salleh (2008), langkah integrasi ini dilakukan adalah untuk menyesuaikan dengan objektif penubuhan KUSZA pada waktu itu iaitu untuk mewujudkan profesional dan separa profesional berasaskan Islam.

Manakala di bidang ijazah Sarjana Muda sekitar tahun 1990-an, ilmu Pengajian Islam dipecahkan kepada tiga bidang pengkhususan iaitu Syariah, Usuluddin dan Pendidikan Islam. Beberapa jurusan sebagai minor untuk integrasi ilmu diperkenalkan seperti politik, undang-undang, ekonomi, falsafah, antropologi, dakwah, dan kaunseling. Para pelajar bukan sahaja mempelajari asas Pengajian Islam tradisional seperti fiqh, usul fiqh, akidah, tafsir dan hadis hukum sahaja, malah mereka turut mendalami teori-teori politik moden, *common law* dan juga ekonomi moden. Penggabungan ilmu-ilmu sebagai menambah ilmu praktis dan amalan semasa kepada penguasaan ilmu-ilmu asas dalam Islam. Ini dapat membentuk kemenjadian pelajar yang lebih berdaya saing dan berpengetahuan lebih melalui bidang jurusan masing-masing.

Kemudian bermula tahun 2008, sebahagian IPT di Malaysia mula memperkenalkan struktur program pengajian Islam yang diintegrasikan dengan ilmu alat yang lebih luas, dan di peringkat yang lebih awal iaitu di peringkat matrikulasi (*tamhidi*) lagi. Pengenalan integrasi sejak peringkat pra-universiti ini juga berkonsepkan kursus *minor* sebagaimana yang telah ditawarkan di Universiti Malaya, Universiti Islam Antarabangsa dan Universiti Sains Islam Malaysia seperti berikut:

Rajah 4 – Bidang Minor dalam Matrikulasi Pengajian Islam

Universiti Malaya	Universiti Islam Antarabangsa	Universiti Sains Islam Malaysia
i. Pendidikan kewarganegaraan	i. <i>Introduction to law</i>	i. <i>Introduction to Human Sciences</i>
ii. Asas komputer	ii. <i>ICT skill</i>	ii. <i>Computer 1</i>
iii. Ko-kurikulum (pembinaan sahsiah)	iii. <i>General principles of Malaysian law</i>	iii. <i>College Mathematics</i>
iv. Kimia Asas 1, 2, 3, 4	iv. <i>Law and Society</i>	iv. <i>Introduction to Critical and</i>
v. Fizik Asas 1, 2, 3, 4	v. <i>Principles of Accounting 1</i>	
vi. Algebra & Geometri	vi. <i>Micro Economics</i>	

vii. Kalkulus	vii. <i>Business Mathematics</i>	<i>Creative Thinking Skills</i>
viii. Algebra & Kalkulus		
ix. Statistik & Kebarangkalian		v. <i>Religion in Malaysia</i>
x. Biologi Sel		
xi. Pembiakan, Ekologi & Perkembangan Organisma		
xii. Fisiologi Organisma		
xiii. Genetik & Teknologi DNA		
xiv. Vektor		
xv. Sains Komputer 1, 2		
xvi. Matematik Kejuruteraan		

Manakala di peringkat ijazah sarjana Muda, ilmu-ilmu bantu yang lebih banyak telah diperkenalkan seperti ilmu pengurusan, undang-undang, ekonomi dan sains komputer. Ini kerana ilmu-ilmu ini membantu memperkayakan ilmu dan praktis para pelajar yang mendalami bidang siyasah syar'iyah, muamalat dan pengurusan harta seperti zakat dan harta pusaka. Mereka bukan sahaja dapat didedahkan dengan teori-teori pengurusan moden, malah teori tradisional yang dipelajari dapat diselarakan dengan amalan kontemporari di institusi kewangan dan perbankan Islam semasa. Malah, mereka dapat membangunkan aplikasi dan sistem pengiraan zakat dan harta pusaka yang efisien berdasarkan integrasi ilmu-ilmu ini. Kecenderungan ini telah dilaksanakan di Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya (APIUM) dan Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) (Muhammad Muda, 2008).

Penyatuan di antara ilmu-ilmu Islam dan pengurusan, ekonomi dan sains komputer ini menjadikan pengetahuan pelajar tidak terpisah-pisah (*silo*). Apabila mereka mendalami ilmu pengurusan Islam, segenap aspek ilmu pengurusan sepatutnya dapat diajar sehingga pelajar dapat membezakan antara satu perspektif daripada perspektif yang lain secara holistik. Pada masa yang sama, struktur kurikulum secara integrasi ini menjimatkan masa pelajar dan memberi mereka dapat menguasai kepakaran dalam masa yang singkat melalui penggabungan antara bidang-bidang ilmu secara serentak (Muhammad Muda, 2008). Perkembangan integrasi ilmu Islam dengan pengetahuan moden semakin berkembang apabila Akademi Islam Pengajian Universiti Malaya (APIUM) mula menawarkan program yang mengintegrasikan Pengajian Islam dan sains sejak peringkat asas lagi iaitu semasa tahap matrikulasi. Menurut Wan Suhaimi Wan Abdullah & Mohd Fauzi Hamat (2008), struktur kurikulum telah menawarkan integrasi ilmu-ilmu Islam dengan ilmu Sains Gunaan kepada sembilan program pengajian dengan jurusan Sains dan Pengurusan Alam Sekitar, Teknologi Maklumat, Biokimia, Bioteknologi, Ekologi & Biodiversiti, Biologi Genetik & Molekul, Mikrobiologi, Biokesihatan Sains dan Bioinformatik. Graduan pertama yang dilahirkan menerusi program integrasi ini ialah pada tahun 2007, dengan seramai 39 orang graduan telah menamatkan pengajian di Ijazah Sarjana Muda dalam Sains Gunaan dan Pengajian Islam (UM, 2007).

Rajah 5 - Integrasi Ilmu di IPT Tahap 2

Bidang	Dahulu	Sekarang
	Ilmu Moden	Ilmu Moden
Syariah	Politik & Pentadbiran, Ekonomi, Undang-undang	Pengurusan Alam Sekitar, Teknologi Maklumat, Biokimia, Bioteknologi, Ekologi & Biodiversiti, Biologi Genetik & Molekul, Mikrobiologi, Biokesihatan Sains dan Bioinformatik
Usuluddin	Antropologi & Kaunseling, Komunikasi, Pentadbiran, Falsafah	Pemikiran, Komunikasi ucapan, Sosiologi, Logik & pemikiran Kritis, Pengantar falsafah, Falsafah Moden, Kemahiran pengurusan harta, Pengurusan dan Analitik Data,

Rentak yang sama berlaku di Universiti Teknologi Malaysia (UTM). Program Pengajian Islam yang ditawarkan melalui Pusat Pengajian Islam dan Pembangunan Sosial (PPIPS) telah menawarkan beberapa program integrasi antara Pengajian Islam dan lain-lain bidang seperti kursus diploma dan ijazah Sarjana Muda dalam Sains dan Pendidikan (Pengajian Islam). Tujuannya antara lain ialah untuk melahirkan tenaga profesional yang memahami Islam dalam pelbagai sektor seperti pendidikan, sains pengurusan dan teknologi (Ajmain@Jimaain Safar & Ramli Awang, 2008). Secara lebih khusus, pengamalan integrasi ilmu ini dapat menyediakan graduan yang mampu menyelesaikan tugas secara profesional, mahir dalam mengaplikasikan teknologi maklumat serta memiliki kemahiran generik untuk melengkapkan peranan sebagai seorang guru yang berakhlak mulia, kreatif, inovatif dan berkesan dalam kerjaya pendidikan. Graduan juga akan mampu menyebarkan ilmu-ilmu Islam dengan holistik menggunakan segala teknologi moden yang berasaskan pengetahuan sains dan teknologi (Ajmain@Jimaain Safar & Ramli Awang, 2008). Apatah lagi sekiranya seorang itu daripada bidang pengajian Islam, penguasaan mereka kepada bidang ilmu-ilmu moden lebih meningkatkan keupayaan dan sanjungan awam. Maka tidak hairan hari ini jika kita dimaklumkan, seorang pakar bedah dan seorang *pilot* adalah juga merupakan seorang *hafiz* al-Qur'an.

(ii) *Memastikan kebolehpasaran pelajar (graduate employability)*

Pada hari ilmu dan pendidikan bukan sahaja untuk pengetahuan asas seseorang individu dan masyarakat, malah juga merupakan kunci kepada perolehan kemahiran dan pekerjaan. Pelajar yang mempunyai pengetahuan dan kemahiran tertentu, adalah bermanfaat untuk bidang pekerjaan atau industri tertentu yang memerlukan pengetahuan dan kemahirannya dalam perusahaan dan sebagainya. Justeru, integrasi di antara satu pengetahuan dengan satu kemahiran tertentu, dapat menghasilkan seorang bakal pekerja yang berkeupayaan dan berkemahiran tinggi.

Menurut *Malaysia Education Blueprint 2015-2025 (Higher Education)*, faktor kebolehpasaran pelajar adalah merupakan salah satu tonggak utama dalam perancangan pendidikan tinggi negara untuk menjadi negara maju. Justeru, masyarakat perlu diberi

pengisian ilmu (*knowledge*), kemahiran (*skills*) dan kecekapan (*competencies*) supaya dapat memajukan pembangunan masyarakat dan negara. Gabungan ini akan menjadikan para pelajar bukan sahaja mengetahui satu perkara, tetapi beberapa perkara yang lain yang boleh dimanfaatkan dalam aspek kemajuan kerjaya seseorang. Antara moto yang dijana dalam bidang pengetahuan ialah “*has mastery of core subjects and general knowledge about the world*”.

Padanan antara pengetahuan dan pekerjaan sangat penting untuk mengisi keperluan industri (*industry need*). Oleh kerana itu, pelbagai perubahan dan semakan kurikulum berlaku dari semasa ke semasa bagi memenuhi keperluan ini. Kemahiran yang diperlukan dahulu tidak sama dan ia berubah dan berkembang seiring dengan perubahan teknologi dan zaman. Maka demikian juga dengan ilmu dan pengetahuan, penguasaan ilmu-ilmu baharu yang dijalin dengan penemuan dan teknologi terkini dapat meningkatkan lagi kualiti dan penghasilan produk. Semua ini penting bagi mengisi bidang pekerjaan yang pelbagai, malah dengan integrasi ilmu-ilmu semasa, seseorang pelajar akan dapat mencipta peluang kerja yang baru, sebagaimana hari ini apabila wujudnya teknologi digital yang mencipta sistem tempahan makanan dan penghantaran (*grab food, grab car*).

Rajah 6 - Perluasan Peluang Kerjaya Pengajian Islam

<b>Graduan</b>	<b>Keperluan Asas</b>	<b>Keperluan Sekunder</b>
Syariah	Guru/Pensyarah agama Pegawai Hal Ehwal Islam Jawatankuasa Fatwa Penasihat Syariah Peguam/Hakim Syarie Mufti	Pegawai Kewangan (Insurans) Pegawai Tadbir & Diplomatik Penasihat Ekonomi Pegawai Pencegah Rasuah Pegawai Kastam Pegawai Polis
Usuluddin	Guru/Pensyarah agama Pegawai Hal Ehwal Islam Jawatankuasa Fatwa Guru Takmir Pendakwah Kaunselor	Pegawai Tentera Pakar Bedah Pemandu Kapal Terbang ( <i>Pilot</i> ) Pegawai Tanah Ketua Pengarah Radio Islam Pakar kaunseling

Pada hari ini, keperluan penguasaan pelbagai ilmu merupakan satu kelebihan. Ia bukan sahaja untuk mendapatkan pekerjaan, malah juga untuk meningkatkan pengetahuan dan keberadaan seseorang di tengah-tengah masyarakat moden. Bagaimanapun untuk menjayakannya, bukanlah jalan yang mudah yang menuntut kerjasama semua pihak. Penawar kepada Pengajian Islam perlu dinamik dan sentiasa berpandangan terbuka dalam mengenengahkan integrasi ilmu-ilmu Islam dengan ilmu moden supaya prinsip Islam tidak dikesampingkan, tetapi sentiasa menjadi rujukan dalam membincangkan ilmu moden tersebut. Justeru, pengisian keperluan tenaga kerja dapat diperluaskan sebagai berikut:


Menurut Muhamad Muda (2008) dan dalam dapatan kajian Halatuju Pengajian Islam di Malaysia (2010), terdapat empat cabaran utama dalam mengintegrasikan Ilmu Islam khususnya di Malaysia pada hari ini, antaranya:

- (i) Pertama, Kerajaan menerusi Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) atau Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) perlu menyelaraskan kurikulum yang berdaya saing

dan bersinergi sejak zaman sekolah lagi. Seterusnya Kerajaan memberi kebebasan kepada IPT untuk menggubal kurikulum masing-masing dengan lebih dinamik selaras dengan keperluan industri dan global. Dalam hal ini, kaedah pengajian liberal perlu diperkenalkan iaitu pelajar mempunyai ruang untuk melakukan integrasi kursus-kursus yang mereka berminat dan mendaftarkannya. Budaya penawaran program secara berpakej perlu dikurangkan, dengan menjadikannya tidak lagi rigid dan khusus dalam bidang tertentu sahaja. Keadaan ini akan memberi lebih keselesaan dan ruang kepada pelajar untuk membentuk halatuju penguasaan ilmu sejak semasa di sekolah sehinggalah ke IPT. Senario ini dapat membuka peluang dan ruang yang lebih terbuka kepada pelajar Pengajian Islam untuk menggabungjaln ilmu-ilmu agama, keusahawanan, sains teknologi dan latihan amali/industri yang akan dipelajarinya (Abdul Shukor Hj. Kenyataan Husin, 2008).

- (ii) Kedua, cabaran ke arah mendapatkan pekerjaan pada hari ini semakin sukar di mana sebahagian besar graduan tidak lagi dijamin dengan pekerjaan tertentu selepas bergraduasi. Persaingan ini menyebabkan pelajar perlu membekalkan diri mereka dengan bekalan ilmu tertentu sebelum menamatkan pengajian, mengikut bidang dan halatuju yang telah mereka rencanakan sejak awal. Inilah paradigme yang berlaku pada kepada graduan hari ini daripada seorang pencari kerja (*job seeker*) kepada seorang pencipta kerja (*job creator*). Justeru, pemupukan ilmu, kepelbagaian maklumat, bakat, potensi diri, pemikiran kreatif dan inovatif, dan personaliti yang menarik adalah merupakan antara ciri yang menjadi cabaran kepada pelajar sebelum mereka bergraduasi.

Rajah 7 – Dasar Pendidikan Tinggi 2015-2025



Perkara ini tidak boleh dikuasai dalam sekelip mata dan dalam kaedah pembelajaran yang sehala dan tradisional. Ia perlu kepada pendedahan pada pelbagai ilmu, maklumat, kaedah, dan pendekatan agar seseorang pelajar dapat mengadaptasinya secara holistik dalam tempoh pengajian tiga hingga empat tahun. Potensi ini tentu

sekali akan dapat menghasilkan graduan serba-boleh dan berketrampilan tinggi. Dalam bidang Pengajian Islam, graduan yang dihasilkan bukan sahaja akan mempunyai nilai dan integriti Islam, malah berkemahiran tinggi dalam aspek interpersonal (komunikasi) dan teknologi (ICT) (Muhamad Muda, 2008). Dalam hal ini, penguasaan pelajar ke atas kursus keusahawanan dan latihan amali/industri boleh membantu dalam mendedahkan para pelajar kepada dunia kerjaya sebenar.

- (iii) Ketiga, mengenalpasti ilmu yang perlu diintegrasikan kepada Pengajian Islam khususnya oleh penggubal program. Dalam hal ini, keperluan industri dan komuniti perlu dikenalpasti supaya program yang bakal dibentuk bersifat holistik dan bersepadu. Penggubal kurikulum tidak lagi melihatnya dalam skop yang sempit tetapi lebih luas sehingga kepada bahasa ketiga juga. Menurut Abdul Shukor Hj. Husin (2008), sudah sampai masanya umat Islam menguasai bukan sahaja pengetahuan tentang tradisi Islam yang berkaitan pengurusan, komunikasi dan ekonomi sahaja, tetapi meluas kepada bahasa asing lain dan juga bidang yang lebih mencabar seperti kejuruteraan dan kedoktoran. Lebih-lebih lagi dengan dunia perubatan yang semakin berkembang pesat, termasuklah menangani zaman pandemik Covid-19 pada ketika ini. Pendekatan ini adalah selaras dengan Perancangan Strategik Pengajian Tinggi Negara (NHESP) , yang dilancarkan pada 2007 untuk menghasilkan kualiti modal insan yang melibatkan pengembangan potensi individu secara holistik dan seimbang sama ada daripada segi intelek, rohani, emosi dan fizikal berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan (Zaini Ujang, 2009). Justeru, terdapat 10 anjakan yang perlu dikuasai pelajar:

Rajah 8 – 10 Anjakan Pendidikan Tinggi Negara



Semua 10 anjakan ini menunjukkan kunci kepada prestasi utama dalam sistem pendidikan tinggi harini, terutamanya berkenaan kepada kualiti dan kecekapan, serta trend global yang mengganggu landskap pendidikan tinggi. Empat anjakan pertama memberi tumpuan kepada hasil untuk pemegang taruh dalam sistem pendidikan tinggi, termasuk pelajar dalam bidang akademik dan TVET, kalangan ahli akademik, juga semua yang mengambil bahagian dalam pembelajaran sepanjang hayat. Manakala enam anjakan lagi memberi tumpuan kepada pembolehubah untuk ekosistem pendidikan tinggi, meliputi aspek-aspek yang lebih kritikal seperti aspek pembiayaan, tadbir urus, inovasi, pengantarabangsaan, pembelajaran dalam talian, dan kaedah penyampaian. Semua ini perlukan integrasi ke dalam sistem Pengajian Islam semasa agar menjadi berdaya saing dan lebih dinamik pada masa kini.

## **KESIMPULAN**

Berdasarkan perbincangan di atas, integrasi ilmu Pengajian Islam dengan ilmu-ilmu moden yang lain adalah sesuatu yang tidak boleh dinafikan lagi kepentingannya pada hari ini. Ia menjadi penambahbaik kepada penguasaan dan praktis ilmu utama yang dimiliki pelajar. Ia sejajar dengan galakan Rasulullah S.A.W supaya mempelajari bahasa asing, yang dengannya dapat memahami banyak ilmu yang dimiliki bangsa asing. Sesuai dengan matlamat menghasilkan manusia yang mempunyai pengetahuan yang menyeluruh (*holistic*) dan seimbang (*balanced*), pengintegrasian ilmu-ilmu Islam dapat meningkatkan kemenjadian individu sabagai pelajar/manusia, dan seterusnya meningkatkan kebolehpasaran mereka ke dalam masyarakat dan pekerjaan. Pada masa yang sama, langkah integrasi ilmu ini adalah merupakan hasil interaksi antara ilmu Islam dan pengetahuan barat moden, dengan memberi penyelesaian alternatif kepada cabaran dunia semasa ke atas kekuatan modal insan umat Islam.

Justeru, halatuju Pengajian Islam di Malaysia sejak 1990-an begitu dinamik dalam merangka pengintegrasian ilmu ini. Pengkhususan pengajian semasa tidak lagi semata-mata kepada bidang tradisional yang klasik, tetapi pembicaraannya dikembangkan dengan lebih dinamik kepada ilmu-ilmu semasa sama ada yang berkaitan secara langsung atau tidak langsung. Apa yang diutamakan ialah setiap pelajar Islam mempunyai asas kepada ilmu-ilmu Islam untuk dilakukan semak-banding dengan pengetahuan moden yang bakal mereka kuasai. Justeru, memberikan mereka pengetahuan yang holistik dan seimbang, sesuai untuk kemanfaatan di dunia dan akhirat, serta mempunyai integriti dan keupayaan fizikal yang setanding dengan lulusan Barat. Semua ini akan menghasilkan kualiti modal insan yang mapan yang dapat memacu ke arah peradaban bangsa yang lebih gilang gemilang.

## **DAFTAR PUSATAKA**

- Abdul Manan Bin Mohamad & Kamaruddin Salleh (2008). KUSZA Sebuah Institusi Pengajian Tinggi Islam Ulung Terengganu artichel from Pembangunan Pengajian Tinggi Islam di Malaysia (2008) terbitan USIM, Bandar Baru Nilai. Page 117-140.
- Abdul Rahman Hj. Abdullah (2003). Apa Itu Ilmu Sains. Pahang : PTS Publications and Distributor Sdn. Bhd.
- Abdul Shukor Hj. Husin (2008). Pembangunan Muslim Hadhari Melalui Pendidikan Islam Era Globalisasi artichel from dalam Pembangunan Pengajian Tinggi Islam di Malaysia (2008) terbitan USIM, Bandar Baru Nilai. Page 219-239.



- Ajmaain@ Jamaain Safar & Ramli Awang (2008). Sejarah Pengajian Islam di Universiti Teknologi Malaysia article from Pembangunan Pengajian Tinggi Islam di Malaysia (2008) terbitan USIM, Bandar Baru Nilai. Page 177-197.
- al-Baladhuri, Abu al-Hasan Ahmad ibn Yahya. 1932. Futuh al-Buldan, M. Ridwan ed. Cairo
- Arshad Islam (2011). The contribution of Muslims to science during the Middle Abbasid Period (750-945). *Revelation and Science*. 1(1), 39-56.
- Beckman, T. (1999) The current State of Knowledge Management. SAGE
- Berger, P. and Luckmann, T. (1966) The Social Construction of Reality. New York: Doubleday, Garden City
- Che Azlina Abdullah (2004). Islamisasi Sains : Signifikansi Dan Kepentingannya article from Prosiding Konferensi Akademik Universiti Teknologi MARA Pahang (KONAKA) 2004 terbitan UPENA Cawangan Pahang, Bandar Jengka. Page 183-187.
- Cook, S.D.N. and Brown, J.S. (1999) Bridging epistemologies: the generative dance between organisational knowledge and organisational knowing. *Organisational Science*. Vol. 10, No 4, pp.381-400
- Desmond Kapofu, 2014. Knowledge Integration and the Integration of Knowledge Management in the Organisation. Hertfordshire Business School Working Paper, 1-15
- Eppler, M. J. (2001). Making Knowledge Visible Through Intranet Knowledge Maps: Concepts, Elements, Cases. Proceedings of the 34th Hawaii International Conference on System Sciences. 1-11
- Grant, R.M. (1996) Towards a knowledge based theory of the firm. *Strategic Management Journal*. Vol. 17 (special issue) pp.109-122
- H.R. Ahmad: IV/131-132 dan Abu Dawud: V/10-12. Hadits ini dishahihkan oleh al-Albani Huzni Thoyyar (t.t). Model-model integrasi ilmu dan upaya membangun landasan keilmuan Islam telah diambildari <http://www.ditperta.net/annualconferencancon06/Makalah%20-Husni%20Thoyyar.pdf>, 13 April 2012.
- Ibn al-Nadim, Abu al-Farj Muhammad, 1299/1884. Al-Fihrist. Beirut: Darul Maktabah al-Hayat
- Jabatan Pengajian Tinggi. (2010). Hala tuju Pengajian Islam di Malaysia. Putrajaya: Kementerian Pengajian Tinggi.
- Kamarul Azmi Jasmi & Ab. Halim Tamuri (2011). Kadar akidah muslim. Johor Bharu : Penerbit UTM Press.
- Kamus Dewan (2005). Edisi Keempat. Kuala Lumpur : DBP.
- Kapofu, D., Barber, K.D., Beach, R (2008) An Operations Management perspective of Knowledge Management 3rd International Conference on Knowledge Management in Organisations Vaasa, Finland.
- Khairuddin Tampubolon, 2020, Elemen-Elemen Mesin Bensin pada Mobil dan Perawatannya, Inteligencia Media (Kelompok Penerbit Intrans Publishing), 1 Mar 2020 - 346 halaman- URL: [https://books.google.co.id/books/about/Elemen\\_Elemen\\_Mesin\\_Bensin\\_pada\\_Mobil\\_da.html?id=Knf8DwAAQBAJ&redir\\_esc=y](https://books.google.co.id/books/about/Elemen_Elemen_Mesin_Bensin_pada_Mobil_da.html?id=Knf8DwAAQBAJ&redir_esc=y).
- M. Lecker (2005), 'A pre-Islamic endowment deed in Arabic regarding al-Wahida in the Hijaz', in M. Lecker, People, tribes and society in Arabia around the time of Muhammad. Aldershot, no. IV
- Marzuki Haji Mahmood (2003). Keberkesanan Dan Sambutan Masyarakat Terhadap Pengajian Islam Di Institusi Pengajian Tinggi article from Memahami Isu-Isu Pendidikan Islam di Malaysia (2003) terbitan IKIM, Kuala Lumpur. Page 179-198.
- Mohd Asri Abdullah et al. (2006). Prinsip-prinsip Asas Islam : Islam dan Akidah. Shah Alam: UPENA.
- Mohd. Radhi Ibrahim (2006). Akidah dan pembangunan tamadun. Nilai : KUIM.
- Mohd. Solikin (2008). Integrasi ilmu dan agama menurut Isma'il Raji Al-Faruqi dan Kuntowijoyo. Fakultas Agama Islam. Surakarta : Universiti Muhammadiyah.

- Mohd. Yusoff, Zurita (2004) Metodologi pengajian syariah di Kolej Agama Sultan Zainal Abidin (K.U.S.Z.A), Terengganu Disertasi Sarjana Syariah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya
- Muhamad Muda (2008). Islamic Studies in Malaysian Universities : A Review of Its Progress And New Challenges artichel fromPembangunan Pengajian Tinggi Islam di Malaysia (2008) terbitan USIM, Bandar Baru Nilai. Page 1-26.
- Polanyi, M (1966) The tacit dimension. Gloucester, MASS. Peter Smith. Reprint 1983
- Rasid Muhammad (2010). Menjejak Keindahan Islam. Shah Alam : UPENA.
- Remus, U. and Schub, S. (2003) A Blueprint for the Implementation of Process-oriented Knowledge Management. Knowledge and Process Management. Vol. 10, No 3, pp.237-253
- Shibli, No'mani, 1989. Maqalat-i-Shibli, VI, Azamgarh: Matba' Ma'arif
- Wan Suhaimi Wan Abdullah & Mohd. Fauzi Hamat (2008). Pengajian Islam di Universiti Malaya : Sejarah dan Perkembangan Masa Kini article fromPembangunan Pengajian Tinggi Islam di Malaysia (2008) terbitan USIM, Bandar Baru Nilai. Page 71-92.
- Zainal Kifli b. Abdul Razak (2005). Mencari Kebenaran : Antara Kepercayaan Tradisional Sains Dan Agama artichel from Prosiding Konferensi Akademik Universiti Teknologi MARA Pahang (KONAKA) 2005 terbitan UPENA Cawangan Pahang, Bandar Jengka. Page 79-84.
- Zaini Ujang (2009). Mengangkasa Pengajian Tinggi. Skudai : UTM.